



**MAGMA JAYA ELECTRICAL ENGINEERING SDN. BHD.**

No. 8,  
Persiaran Perindustrian Pengkalan 13,  
Kawasan Perindustrian Pengkalan 1,  
31500 Lahat,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p: Mr. Lai Sai Hiong)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN KE DIALAMAT  
17A, JALAN MARGOSA, TAMAN PINJI, 31650 IPOH, PERAK.**  
**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 306.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf.
ii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bak Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap).
iii.	Kerja- kerja menimbus dan memadat bahu jalan hendaklah dilaksanakan bagi korekan terbuka di atas jalan tidak berturap.

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan MBI dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/10/24/0076 ( 6 )  
Tarikh : 10 Oktober 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN KE DIALAMAT  
17A, JALAN MARGOSA, TAMAN PINJI, 31650 IPOH, PERAK.**  
**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan **(180 hari) sahaja** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Cik Siti Nor Amanina Binti Ramli** di talian **011-21567382** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)  
Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/08102024//kamarul/Nina

s.k :

**Pengarah Kejuruteraan Bandaraya**  
Majlis Bandaraya Ipoh,  
Jalan Sultan Abdul Jalil,  
Greentown,  
30450 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

